

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ISLAM DAN SAINS:**  
**KERELEVANNANYA MASA KINI**  
**DI PUSAT SAINS NEGARA, BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR**  
**18 OKTOBER 2002**

-----

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, kita dapat bersama menghadiri Majlis Perasmian Program Islam dan Sains pada pagi ini.

2. Muhammad bin Abdullah diangkat sebagai Nabi dan Rasul dengan watikah dalam bentuk firman Allah S.W.T. seperti yang terkandung di dalam ayat 1 hingga ayat 5 Surah al-`Alaq yang bermaksud: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".

3. Wahyu pertama yang Allah turunkan melalui malaikat Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad S.A.W. mempunyai signifikan besar kepada umat Islam. Wahyu ini merupakan titik mula ajaran Islam untuk membawa manusia kepada kesejahteraan hidup di dunia dan kesejahteraan hidup di akhirat, melalui penguasaan ilmu dan penguasaan pengetahuan. Wahyu pertama ini memperlihatkan pentingnya asas ilmu dan penguasaan pengetahuan sebagai keperluan manusia menghadapi cabaran hidup di akhir zaman. Wahyu pertama yang diturunkan lebih 1400 tahun yang lalu menggambarkan asas penciptaan manusia daripada segumpal darah beku. Kenyataan berunsur saintifik ini terbukti kesahihannya melalui pendekatan sains kontemporari hanya dalam abad ke-20. Demikian ternyata sifat-sifat kebesaran Allah yang Maha Mengetahui.

4. Banyak lagi terkandung di dalam Al-Quran ayat-ayat yang menyentuh fenomena-fenomena sains secara tepat. Begitu juga keajaiban sains turut terserlah dalam kehidupan Rasulullah S.A.W., antaranya peristiwa Isra- Miraj, tentang kenderaan pantas semasa di darat dan ketika menembusi angkasa, pancaran ala satelit untuk membolehkan Rasul S.A.W. melihat Masjid al-Aqsa bila ditanya tentang bilangan tiangnya setelah kembali ke Mekah, serta peristiwa pembedahan dada Rasul S.A.W., adalah imbasan yang memungkinan dan mengilhamkan penciptaan saintifik di hari kemudian. Ada di antara ayat al-Quran disampaikan secara nyata dan terang, ada yang disampaikan secara tersirat dan bayangan. Sebab itu terdapat dalam banyak ayat, Allah s.w.t. menyebut tentang pentingnya peranan pemerhatian dan pemikiran manusia. Seringkali ditemui ayat yang bermaksud, "tidakkah kamu memerhatikan" dan "tidakkah kamu berfikir". Inilah yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. supaya manusia memerhati dan berfikir. Inilah juga pendekatan yang dianjurkan oleh sains supaya manusia membuat pemerhatian dan menggunakan akal fikiran untuk merungkai rahsia kejadian alam ciptaan Allah S.W.T..

5. Islam adalah satu cara hidup yang lengkap, merangkumi segenap aspek kehidupan. Umat Islam wajib mempunyai persepsi yang tepat tentang kaitan Islam dengan sains. Di dalam Islam tidak harus ada pandangan sempit yang cuba memisahkan ilmu dengan fahaman sekular dan bukan sekular, hingga mahu dipisahkan ilmu secara duniawi dan ukhrawi, mahu memisahkan tanggungjawab

dunia dan tanggungjawab akhirat. Islam perlu dilihat dalam perspektif kesinambungan, satu kontinuiti, kejayaan dunia sebagai persiapan kejayaan akhirat, kesejahteraan di dunia sebagai imbasan kesejahteraan di akhirat.

6. Islam menekankan unsur roh kepada setiap ciptaan sains. Sains pula membuktikan kesahihan ayat-ayat yang terkandung di dalam al-quran, lalu mempertingkatkan ketauhidan manusia terhadap Illahi. Manusia dibolehkan sampai kepada puncak penciptaan dan penemuan saintifik, tetapi manusia jua akhirnya menerima realiti bahawa masih terdapat perkara-perkara yang di luar bidang pencapaian minda pemikiran manusia.

7. Umpamanya, manusia berupaya mengikhtiarkan bahan perubatan bagi merawat sesuatu penyakit, namun dua pesakit yang sebaya usia meski diberi ubat yang serupa, seorang sembuh sementara seorang lagi mengakhiri hayatnya. Ada yang lama terlantar sakit namun terus menyambung usia, sedangkan yang hidup sihat menemui ajal; ada yang makan bahan kaya berkhasiat tetapi lemah tubuhnya, sedangkan yang mampu makan seadanya, tegap tubuhnya. Manusia mungkin berjaya mencari bahan awet melengahkan wajah dari kelihatan tua, tetapi manusia tidak berupaya menanggukkan pemisahan di antara roh dan jasad bila ajal telah ditentukan. Segala ini adalah contoh-contoh untuk manusia sedar dan insaf akan kebatasan pemikiran dan kepandaian manusia sebagai hamba, berbanding dengan kebesaran dan keagungan ILLAHI yang telah mencipta segala yang ada.

8. Segala ini telah menyemaikan satu kesedaran dan keinsafan tinggi kepada para ilmuan Islam yang berpegang kuat kepada aqidah sejak dari zaman silam. Kerana itu, tokoh-tokoh ilmuan Islam menjuruskan kajian menghasilkan penemuan untuk memberikan sumbangan kepada kesejahteraan ummah dan kebaikan hidup. Ilmu dan pengetahuan itu kurniaan ILLAHI kepada mereka yang berusaha secara tekun - secara bersungguh. Para ilmuan Islam tidak seharusnya menghabiskan masa, fikiran, usaha dan tenaga untuk menghasilkan ciptaan yang boleh memusnah dan merosakkan dunia. Umat Islam mempunyai akauntabiliti terhadap kehidupan dunia yang akan dinilai di hari penentuan. Umat Islam hendaklah memisahkan diri dari bersubahat dalam menghasil dan memperkembangkan penemuan sains yang boleh membawa kehancuran dan kemusnahan dunia.

9. Menggunakan penemuan sains untuk mencipta senjata yang boleh memusnahkan kehidupan dan meleburkan dunia pastinya bercanggah dengan nilai-nilai murni yang dipelopori oleh Islam. Menggunakan sains untuk mencipta instrumen ketenteraan yang menggalakkan rasa takabur hingga ada negara menjadi angkuh, sombong, bongkak dan zalim adalah sifat dan laku yang nyata dirasuk oleh sifat bongkak dan laku sombong iblis yang dilaknat Allah. Oleh itu umat Islam haruslah berupaya meletakkan garis pemisah dalam penerokaan di bidang sains supaya sejajar dengan roh dan semangat yang dipelopori oleh ajaran Islam.

10. Islam adalah agama yang menekankan kepada kebenaran. Pendekatan sains turut diasaskan kepada hukum-hukum kebenaran. Kerana itu Islam menggalakkan perkembangan pemikiran saintifik secara progresif, produktif, konstruktif, kreatif dan inovatif. Asas pengetahuan sains dari segi relevan dan aplikasinya dalam kehidupan harian perlu dibina. Anak-anak perlu diberikan pemahaman awal dari segi relevan dan aplikasi sains di peringkat seawal mungkin. Islam perlu diperkenalkan kepada anak-anak dengan pendekatan lebih saintifik, lebih dinamik dan lebih progresif. Komponen fardu kifayah memerlukan pendekatan lebih kreatif untuk menyemaikan kecenderungan di bidang sains.

11. Pada hemat saya, potensi rangkaian institusi Islam tidak digunakan secara optimum. Institusi masjid dan surau wajar dipenuhi dengan kegiatan lebih seimbang. Disamping memenuhi tanggungjawab menyebarkan pengajaran ilmu-ilmu agama dari sudut fardhu ai'n, institusi surau dan masjid dapat membantu perkembangan, pemahaman dan penghayatan ummah terhadap sains. Dengan keinsafan umat Islam akan pentingnya sains dan penguasaan ummah terhadap ilmu sains, langkah radikal wajar dianjurkan dengan memperkenalkan kegiatan-kegiatan yang dapat membantu pemahaman dan penghayatan sains di masjid dan surau.

12. Telah sampai masanya bagi badan, institusi dan jawatankuasa yang mengendalikan masjid dan surau mengambil daya usaha mengimbangkan kegiatan di masjid dan surau untuk kemajuan ummah. Ceramah-ceramah yang dianjurkan boleh dipelbagaikan dengan tajuk-tajuk yang merangkumi bidang perubatan, kesihatan, pemakanan dan riadah dari pakar-pakar di bidang berkaitan. Kelas-kelas yang dijalankan untuk anak-anak boleh diperluaskan merangkumi bimbingan dalam pelajaran sains, matematik, teknologi maklumat dan bahasa.

13. Saya percaya dengan mempelbagaikan bahan dan sumber ilmu, dengan memperanikakan kegiatan, masjid dan surau dapat menjadi platform terbaik dan forum berkesan untuk menyebarkan dan memperdekatkan ilmu sains dengan umat Islam, terutamanya di kawasan pedalaman negara kita. Saya juga yakin bahawa dengan mempelbagaikan tajuk, tema dan kandungan ceramah, majlis-majlis ilmu di masjid dan surau akan menjadi lebih seimbang dan dapat membantu memperluaskan minda dan pemikiran rakyat.

14. Usaha-usaha ini tentunya akan membawa pembaharuan dan perubahan dimensi kepada imej masjid dan surau. Pembaharuan dan perubahan ini sebenarnya akan kembali meletakkan taraf masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dan pengetahuan. Disamping itu, sekiranya dilaksanakan secara bijaksana, masjid dan surau akan benar-benar dapat berfungsi sebagai pusat penyatuan ummah, disamping dapat menarik generasi muda, khususnya di kalangan pelajar untuk berdamping dengannya. Matlamat menjadikan masjid dan surau sebagai pusat pembelajaran dan pusat perkembangan ilmu hendaklah dijadikan agenda bersama dalam hasrat menyediakan prasarana secara realistik untuk membantu membuka minda anak-anak terhadap ilmu dan pengetahuan.

15. Saranan yang dikemukakan ini tidak mustahil direalisasikan jika ada kata sepakat dan jika ada penemuan minda di kalangan pihak yang bertanggungjawab terhadap institusi agama dan surau. Jika umat Islam secara bersungguh lagi ikhlas benar-benar mengutamakan agenda mahu melahirkan insan berilmu, saranan itu tidaklah sukar untuk direalisasikan. Namun saya juga menyedari hakikat kesulitan sesuatu saranan baru untuk mendapat penerimaan. Dengan menyedari realiti tersebut saya akan merintis usaha untuk memperkenalkan pendekatan baru akan fungsi masjid dan surau memainkan peranan membantu perkembangan sains. Saya menjemput masjid dan surau yang bersedia menawarkan diri untuk memperkenalkan perkhidmatan sedemikian melaksanakan pendekatan ini secara perintis untuk dijadikan contoh. Saya mempelawa semua pihak termasuk badan-badan korporat dan swasta, pihak media, serta orang-orang perseorangan untuk tampil ke hadapan membantu menjayakan hasrat ini baik secara material, kewangan, tenaga dan fikiran.

16. Saya mengucapkan tahniah kepada Pusat Sains Negara dan Institut Kefahaman Islam Malaysia atas penggubalan dan pelaksanaan program ini. saya yakin usaha seumpama ini mampu mencetuskan penghayatan sains yang lebih mendalam di kalangan umat islam di negara ini.

17. Maka Dengan kalimah Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program "Islam Dan Sains: Kerelevanannya Masa Kini".

TERIMA KASIH.